

Bajet defisit: **Peng**analisis

Galakkan kerajaan negeri terus berhutang, tambah beban belanja pengurusan

HASNIZA HUSSAIN

SHAHALAM - Belanjawan Selangor 2018 yang dibentangkan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali kelmarin jelas menunjukkan ia bajet defisit serta bersifat populis ekoran musim pilihan raya yang semakin hampir.

Penganalisis Ekonomi, Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, berdasarkan cadangan bajet tersebut mendapati kerajaan negeri bakal berbelanja lebih daripada pendapatan.

Beliau berkata, seeloknya perlu ada lebih bajet kerana bajet defisit akan memaksa kerajaan negeri untuk terus berhutang yang boleh menambah beban belanja pengurusan terutamanya apabila menyentuh soal faedah pinjaman.

"Walaupun kerajaan negeri Selangor mempunyai rizab yang besar tetapi amalan berbelanja melebihi pendapatan tidak patut dijadikan sebagai sesuatu yang normal.

"Belanja defisit apabila di dalam

keadaan yang perlu sahaja kerana kita tidak mahu kesan berhutang pada masa sekarang akan menjejaskan masa depan generasi akan datang," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*, semalam.

Namun katanya, satu perkara menarik mengenai Bajet Selangor kali ini apabila menjanjikan bantuan khas satu bulan gaji tambahan dibayar pada akhir tahun ini yang diambil daripada peruntukan 2017.

"Ini bermakna, tiada peruntukan 2018 untuk bantuan khas pegawai negeri pada tahun depan berbanding Bajet 2018 kerajaan persekutuan.

"Kenyataan Mohamed Azmin menerusi bajet agak mengelirukan apabila umum bonus tiga bulan tetapi sebenarnya dah bayar dua bulan pada hari raya yang lalu," katanya.



AHMED RAZMAN

Dalam pada itu, mengulas berhubung perbandingan Bajet Selangor 2018 dengan Bajet Persekutuan, Ahmed Razman yang juga Pensyarah Kanan Putra Business School, Universiti Putra Malaysia berkata, kedua-dua bajet tersebut tidak boleh dibuat perbandingan kerana dari segi magnitud atau saiz amat berbeza sekali.

Beliau berkata, peruntukan perbelanjaan negeri Selangor (RM3 bilion) adalah kurang daripada dua peratus peruntukan perbelanjaan kerajaan persekutuan (RM280 bilion).

"Sumber pendapatan kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan juga berbeza kerana kerajaan negeri bergantung hampir sepenuhnya kepada hasil premium tanah dan

cukai tanah berbanding kerajaan persekutuan yang mempunyai pelbagai sumber pendapatan," katanya.

Bagaimanapun katanya, Bajet Selangor 2018 lebih bersifat mikro daripada bajet kerajaan persekutuan.

"Tapi ini sudah dijangkakan kerana Bajet Selangor hanya memfokuskan kepada pembangunan negeri Selangor dan kesejahteraan rakyatnya.

"Oleh itu setiap perancangan yang diumumkan di dalam bajet ini memang akan kelihatan agak banyak dan komprehensif sebab perincian dan maklumat mengenai setiap perancangan diperjelaskan sebaik mungkin.

"Selain itu, beberapa bidang tidak perlu difokuskan kerajaan negeri seperti pertahanan dan itu memberi ruang lebih kepada kerajaan Selangor untuk memperjelaskan perancangan bajet mereka terhadap isu-isu penting seperti pendidikan, kesihatan, perumahan dan kos sara hidup," katanya.